

**Syarat-Syarat Penyertaan
Anugerah Media Agrobank 2024**

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN AM

1. Karya yang dipertandingkan hendaklah berkenaan dengan perusahaan pertanian yang berkaitan dengan skop/fungsi/peranan/inisiatif Agrobank.
2. Penyertaan terbuka kepada warga Malaysia / pemastautin tetap yang berkhidmat sebagai karyawan media sepenuh masa / sambilan.
3. Pertubuhan media mestilah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
4. Karya-karya yang diterbitkan/disiar mestilah mulai **1 Januari 2023 hingga 15 April 2024**.
5. **Penyertaan dibuka mulai 27 Mac 2024 ; tarikh tutup penyertaan pada 26 April 2024.**
6. Penghantaran bahan penyertaan adalah melalui bahan yang telah **dimuatkan ke dalam simpanan awan (cloud storage)** dan **ruangan pautan(link)** yang terdapat pada borang penyertaan hendaklah **diisi dengan pautan bahan tersebut**.
7. Salinan kad pengenalan dan sekeping gambar profil peserta/kumpulan hendaklah **dimuatkan ke dalam simpanan awan (cloud storage) bersama bahan penyertaan**.
8. Boleh rujuk grafik panduan muatnaik bahan penyertaan :
<https://mpi.my/wp/wp-content/uploads/2021/08/PanduanMuatNaikBahanPenyertaan.pdf>
9. Pautan borang penyertaan : <https://mpi.my/award/agrobank-2024>
10. Kesemua bahan-bahan penyertaan tidak akan dikembalikan dan menjadi hak mutlak MPI & Agrobank.
11. Penganjur anugerah berhak menggunakan karya yang dihantar untuk tujuan promosi, tidak terhad kepada penerbitan laman web, promosi media sosial, dan siaran akhbar.
12. Bergantung kepada keperluan Penganjur, Pemenang dimohon untuk mengambil bahagian dalam aktiviti publisiti berkaitan dengan anugerah, seperti temu ramah atau perbincangan panel.
13. MPI berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap dan gagal mematuhi syarat-syarat penyertaan yang ditetapkan.
14. Tiada yuran penyertaan dan tiada had penyertaan.
15. Keputusan panel hakim adalah muktamad.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN KHUSUS

A. Anugerah Media Cetak & Portal Berita - Berita

HADIAH:

Pemenang Pertama	: RM 5,000, trofi dan sijil penghargaan
Pemenang Kedua	: RM 3,000, dan sijil penghargaan
Pemenang Ketiga	: RM 2,000, dan sijil penghargaan

KRITERIA :

1. Anugerah ini diberikan kepada pelaporan berita berkualiti dengan penggunaan fakta yang tepat berkait dengan **isu-isu pertanian dan skop/fungsi/peranan/inisiatif Agrobank** secara konsisten dan relevan.
2. Karya penulisan pelaporan berita yang memberi impak dan peningkatan kesedaran, pendidikan, produk dan perkhidmatan kepada pelbagai masyarakat dan komuniti pertanian negara secara keseluruhannya.
3. Karya-karya yang mengupas isu dengan mendalam, menjalankan penyelidikan mendalam mengenai subjek yang dilaporkan dan tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media semata-mata.
4. Penyertaan terbuka kepada semua bahasa. Selain bahan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, bahan yang dihasilkan dalam bahasa lain hendaklah diterjemahkan kepada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
5. Karya penulisan hendaklah dikemukakan **dalam format PDF**.
6. Bahan penyertaan hendaklah dimuatkan ke dalam simpanan awan (cloud storage) sendiri. Pautan(link) simpanan tersebut hendaklah dinyatakan pada ruangan pautan dalam borang penyertaan.
7. Karya yang dihantar hendaklah asli dan telah diterbit sama ada di media cetak dan portal berita.
8. Jika penulisan itu bersiri, setiap salinan artikel mestilah disusun mengikut aturan.

B. Anugerah Media Cetak & Portal Berita - Rencana

HADIAH:

Pemenang Pertama	: RM 5,000, trofi dan sijil penghargaan
Pemenang Kedua	: RM 3,000, dan sijil penghargaan
Pemenang Ketiga	: RM 2,000, dan sijil penghargaan

KRITERIA :

1. Anugerah ini diberikan kepada penulisan rencana berkualiti dengan penggunaan fakta yang tepat berkait dengan **isu-isu pertanian dan skop/fungsi/peranan/inisiatif Agrobank** secara konsisten dan relevan.
2. Karya kewartawanan rencana yang memberi impak dan peningkatan kesedaran, pendidikan, produk dan perkhidmatan kepada pelbagai masyarakat dan komuniti pertanian negara secara keseluruhannya.
3. Karya-karya yang mengupas isu dengan mendalam, menjalankan penyelidikan mendalam mengenai subjek yang dilaporkan dan tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media semata-mata.
4. Penyertaan terbuka kepada semua bahasa. Selain bahan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, bahan yang dihasilkan dalam bahasa lain hendaklah diterjemahkan kepada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
5. Karya penulisan hendaklah dikemukakan **dalam format PDF**.
6. Bahan penyertaan hendaklah dimuatkan ke dalam simpanan awan (cloud storage) sendiri. Pautan(link) simpanan tersebut hendaklah dinyatakan pada ruangan pautan dalam borang penyertaan.
7. Karya yang dihantar hendaklah asli dan telah diterbitkan sama ada di media cetak atau portal berita.
8. Jika penulisan itu bersiri, setiap salinan artikel mestilah disusun mengikut aturan.

C. Anugerah Media Penyiaran Televisyen & Video Dalam Talian - Berita

HADIAH:

Pemenang Pertama	: RM 5,000, trofi dan sijil penghargaan
Pemenang Kedua	: RM 3,000, dan sijil penghargaan
Pemenang Ketiga	: RM 2,000, dan sijil penghargaan

KRITERIA :

1. Anugerah ini diberikan kepada pelaporan berita dengan penggunaan fakta yang tepat berkait dengan **isu-isu pertanian dan skop/fungsi/peranan/inisiatif Agrobank** secara konsisten dan relevan.
2. Karya pelaporan berita video yang memberi impak dan peningkatan kesedaran, pendidikan, produk dan perkhidmatan kepada pelbagai masyarakat dan komuniti pertanian negara secara keseluruhannya.
3. Karya-karya yang mengupas isu dengan mendalam, menjalankan penyelidikan mendalam mengenai subjek yang dilaporkan dan tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media semata-mata.
4. Penyertaan terbuka kepada semua bahasa. Selain bahan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, bahan yang dihasilkan dalam bahasa lain hendaklah diterjemahkan kepada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
5. Karya video hendaklah **tidak melebihi 15 minit**.
6. Hanya tayangan siaran pertama sahaja layak menyertai. **Tayangan ulang siar tidak layak**.
7. Bahan penyertaan video hendaklah dikemukakan **dalam format MP4** dengan resolusi video 720p atau 1080p dan hendaklah dimuatkan ke simpanan awan (*cloud storage*) sendiri. Pautan(*link*) simpanan tersebut hendaklah dinyatakan pada ruangan pautan dalam borang penyertaan.
8. Jika video itu bersiri, setiap video mestilah disusun mengikut aturan.

D. Anugerah Media Penyiaran Televisyen & Video Dalam Talian - Dokumentari

HADIAH:

Pemenang Pertama	: RM 5,000, trofi dan sijil penghargaan
Pemenang Kedua	: RM 3,000, dan sijil penghargaan
Pemenang Ketiga	: RM 2,000, dan sijil penghargaan

KRITERIA :

9. Anugerah ini diberikan kepada dokumentari berkualiti dengan penggunaan fakta yang tepat berkait dengan **isu-isu pertanian dan skop/fungsi/peranan/inisiatif Agrobank** secara konsisten dan relevan.
10. Karya kewartawanan dokumentari video yang memberi impak dan peningkatan kesedaran, pendidikan, produk dan perkhidmatan kepada pelbagai masyarakat dan komuniti pertanian negara secara keseluruhannya.
11. Karya-karya yang mengupas isu dengan mendalam, menjalankan penyelidikan mendalam mengenai subjek yang dilaporkan dan tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media semata-mata.
12. Penyertaan terbuka kepada semua bahasa. Selain bahan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, bahan yang dihasilkan dalam bahasa lain hendaklah diterjemahkan kepada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
13. Karya video hendaklah **tidak melebihi 60 minit**.
14. Hanya tayangan siaran pertama sahaja layak menyertai. **Tayangan ulang siar tidak layak**.
15. Bahan penyertaan video hendaklah dikemukakan **dalam format MP4** dengan resolusi video 720p atau 1080p dan hendaklah dimuatkan ke simpanan awan (*cloud storage*) sendiri. Pautan(*link*) simpanan tersebut hendaklah dinyatakan pada ruangan pautan dalam borang penyertaan.

E. Anugerah Media Radio

HADIAH:

Pemenang Pertama	: RM 5,000, trofi dan sijil penghargaan
Pemenang Kedua	: RM 3,000, dan sijil penghargaan
Pemenang Ketiga	: RM 2,000, dan sijil penghargaan

KRITERIA:

1. Anugerah ini diberikan kepada pelaporan berita, dokumentari, rencana, bual bicara, dan wawancara mengenai **isu-isu berkait dengan pertanian dan skop/fungsi/peranan/inisiatif Agrobank** secara konsisten dan relevan.
2. Karya kewartawanan radio yang memberi impak dan peningkatan kesedaran, pendidikan produk dan perkhidmatan kepada masyarakat, pemberi khidmat, komuniti pertanian dan negara secara keseluruhannya.
3. Karya-karya yang mengupas isu dengan mendalam, menjalankan penyelidikan mendalam mengenai subjek yang dilaporkan dan tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media semata-mata.
4. Penyertaan terbuka kepada semua bahasa. Selain bahan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, bahan yang dihasilkan dalam bahasa lain hendaklah diterjemahkan kepada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
5. Karya berbentuk audio siar (podcast) layak menyertai kategori ini.
6. Durasi/tempoh karya radio **sekurang-kurangnya 5 minit** dan **tidak melebihi 60 minit**.
7. Karya radio hendaklah **dalam format MP3** dan dimuat ke dalam simpanan awan (cloud storage) sendiri. Pautan (link) simpanan tersebut hendaklah dinyatakan pada ruangan pautan dalam borang penyertaan.
8. Karya yang dihantar hendaklah asli dan telah disiarkan sama ada di stesen radio, portal berita, platform radio dalam talian.

F. Anugerah Sains & Teknologi Pertanian - Rakan Tani Muda Agrobank

- **Media Cetak & Portal Berita**
- **Media Penyiaran Televisyen & Video Dalam Talian**

HADIAH:

Pemenang Pertama : RM 5,000, trofi dan sijil penghargaan

Pemenang Kedua : RM 3,000, dan sijil penghargaan

Pemenang Ketiga : RM 2,000, dan sijil penghargaan

KRITERIA :

1. Anugerah ini diberikan kepada pelaporan berita, dokumentari, rencana, bual bicara, dan wawancara berkualiti khusus mengenai **sains dan teknologi pertanian** dengan penggunaan fakta yang tepat.
2. Karya kewartawanan yang memberi impak dan peningkatan kesedaran, pendidikan, produk dan perkhidmatan kepada pelbagai masyarakat, professional, pelapis muda sektor pertanian negara secara keseluruhannya.
3. Karya-karya yang mengupas isu **sains dan teknologi pertanian** dengan mendalam, menjalankan penyelidikan mendalam mengenai subjek yang dilaporkan dan tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media semata-mata.
4. Penyertaan terbuka kepada semua bahasa. Selain bahan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, bahan yang dihasilkan dalam bahasa lain hendaklah diterjemahkan kepada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
5. Penyertaan terbuka dalam bentuk penulisan dan bentuk video.
6. Karya penulisan hendaklah dikemukakan **dalam format PDF**.
7. Bagi karya video:
 - Hanya tayangan siaran pertama sahaja layak menyertai. Tayangan ulang siar tidak layak.
 - Bahan penyertaan video hendaklah **dikemukakan dalam format MP4** dengan resolusi video 720p atau 1080p.
 - Durasi/tempoh karya **tidak melebihi 60 minit**.
8. Bahan penyertaan hendaklah dimuatkan ke dalam simpanan awan (cloud storage) sendiri. Pautan(link) simpanan tersebut hendaklah dinyatakan pada ruangan pautan dalam borang penyertaan.
9. Karya yang dihantar hendaklah asli dan telah diterbit/disiar sama ada di media cetak, stesen tv, portal berita atau platform video dalam talian.
10. Jika karya itu bersiri, setiap salinan artikel penulisan atau video mestilah disusun mengikut aturan